

Pihak berkuasa siasat kemungkinan Hadi terlibat kegiatan militan

UM - 9 FEB 2009

LANGKAWI 8 Feb. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, pihak berkuasa akan menyasat kemungkinan Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Abdul Hadi Awang terlibat dengan kegiatan militan ekoran tindakannya menghadiri Kongres Islam di Makasar, Sulawesi pada Oktober 2000 lalu.

Sambil berharap Pemangku Presiden Pas itu tidak terlibat dengan kegiatan jenayah yang dilakukan oleh kumpulan militan, kata Perdana Menteri, kerajaan memang mengetahui ramai dari kalangan ahli Pas terlibat dengan kegiatan radikal Islam itu.

“Kita akan siasat,” katanya ketika ditanya mengenai gesaan Pergerakan Pemuda UMNO supaya pihak berkuasa menjalankan siasatan berhubung kehadiran Hadi dalam kongres di Makasar, Sulawesi yang dikaitkan sebagai sarang militan Islam di rantau ini.

Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Datuk Hishammuddin Tun Hussein semalam berkata, siasatan itu perlu untuk mengetahui sejauh mana penglibatan Menteri Besar Terengganu itu dengan

gerakan militan Islam Indonesia berikutan keahadirannya dalam kongres selama tiga hari itu.

Hadi yang mengakui menghadiri kongres tersebut sebagai penceramah jemputan berkata, beliau tidak bimbang dengan tindakan sesetengah pihak yang cuba mengaitkan beliau dengan gerakan radikal ekoran keahadirannya pada kongres itu.

● Komen Najib di muka 15

Ini kerana kata beliau, keahadirannya tidak wajar dikaitkan dengan sebarang aktiviti radikal Islam walaupun kongres tersebut turut dihadiri Ketua Jemaah Islamiah Indonesia, Abu Bakar Basyir.

Ditanya mengenai pengakuan Hadi mengenai keahadirannya pada kongres itu, Perdana Menteri berkata: “Saya harap beliau tidak ada kaitan dengan kegiatan jenayah yang dilakukan oleh beberapa orang (pemimpin militan) itu”.

Dalam pada itu, ditanya mengapa sekiranya perkara itu dilakukan oleh orang biasa dia akan disiasat tetapi apabila ia dilakukan oleh seorang Menteri Besar,

beliau tidak disiasat, Dr. Mahathir secara sinis berkata:

“Dia (Hadi) pembangkang, pembangkang ada keistimewaan, dia pecah undang-undang pun kalau dia pembangkang dia tak apa, kalau kerajaan punya orang silap sikit aje kena bawa ke mahkamah.”

Mengenai kehadiran Hadi pada kongres itu yang kelihatan seolah-olah mengesahkan parti Pas lebih cenderung kepada kegiatan radikal, Perdana Menteri berkata: “Ya kita tahu banyak daripada ahli gerakan militan ini adalah ahli Pas”.

Akhbar *The Star* kelmarin melaporkan tentang kehadiran Ahli Parlimen Marang, Terengganu itu pada kongres berkenaan yang pernah menarik perhatian kumpulan militan Jamaah Islamiah dan Laskar Jundullah.

Kongres tersebut merupakan susulan daripada beberapa siri mesyuarat gerakan militan Yogyakarta untuk menyatupadukan matlamat dan tindakan ahlinya dalam melaksanakan undang-undang Islam.